

12/05/2003

`Jangan hanya berserah kepada takdir'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam tidak harus menyerahkan segala-galanya kepada takdir apabila mereka berhadapan masalah tanpa mahu berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri.

Perdana Menteri menegaskan, mereka harus kembali kepada ajaran Islam sebenar dan menyedari hakikat doa dan sembahyang hajat saja tidak mencukupi untuk mengubah keadaan.

"Apabila ancaman serangan terhadap Iraq dibuat oleh Amerika, ramai umat Islam termasuk di Malaysia bersembahyang hajat, berdoa minta Iraq tidak diserang, tidak ditawan... supaya orang Islam di Iraq dilindungi Allah.

"Tetapi permintaan tidak dimakbulkan, dan kita tahu Iraq diserang, ditawan dan dikalahkan. Apakah Tuhan tak dengar doa, permintaan, solat hajat kita? Tuhan dengar, yang tidak dengar ialah kita.

"Kalau kita kembali kepada ajaran Islam yang sebenar kita akan tahu mengapa doa kita tak bawa apa-apa kesan. Dalam al-Quran disebut bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, melainkan kaum itu sendiri mengubah nasibnya," katanya pada Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Umno ke-57 di Stadium Merdeka malam tadi.

Presiden Umno itu seterusnya berkata laungan takbir `Allah Akbar' saja seperti dilakukan sesetengah pihak tidak memadai jika diri tidak dilengkapi ilmu dan kelengkapan berjuang.

"Tanyalah kepada orang Islam apa yang dilakukan bagi mengubah nasib mereka. Jawabnya tiada apa-apa. Orang Islam jahil dalam ilmu untuk pertahanan. Orang Islam berpecah belah, sedangkan al-Quran kata umat Islam bersaudara," katanya.